



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro@doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

JABATAN PERTANIAN-UTM PERKUKUH KERJASAMA AI UNTUK SUBSEKTOR TANAMAN AGROMAKANAN

SERDANG, 2 September 2026 – Jabatan Pertanian (DOA) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperkukuh kerjasama strategik dalam penerokaan dan pembangunan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi menyokong kemajuan subsektor tanaman agromakanan menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Projek Pilot Kecerdasan Buatan untuk Subsektor Tanaman.

Pertukaran dokumen MoU yang telah ditandatangani itu disaksikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di Pentas Utama, Dewan A, MAEPS, sempena MAHA 2026. DOA diwakili oleh YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian, manakala UTM diwakili oleh Prof. Dr. Fauziah Sh. Ahmad, Pengarah Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur (UTMKL).

Menurut Dato' Nor Sam, kerjasama ini memberi tumpuan kepada pemerhatian dan pengujian teknologi AI untuk subsektor tanaman, pembangunan serta latihan modal insan, di samping perkongsian maklumat, kemudahan, teknologi dan kepakaran bagi mengenal pasti teknologi AI yang bersesuaian serta menilai keberkesanannya dalam sektor pertanian.

“Pemanfaatan AI ini membolehkan pemindahan teknologi dan maklumat pertanian kepada petani dilaksanakan secara lebih pantas, berkesan dan berasaskan data. Antara inisiatif utama yang memberi manfaat terus kepada komuniti pesawah ialah penambahbaikan platform digital PaddyChat. Platform interaktif berasaskan AI ini membolehkan pesawah memperoleh khidmat nasihat secara terus (*real-time*), mengesan serangan perosak serta penyakit tanaman secara berfokus dan menerima syor pengurusan tanaman yang tepat terus ke peranti mudah alih mereka. Langkah ini bukan sahaja membantu meningkatkan hasil, malah dapat mengurangkan kos operasi. Sehingga kini, seramai 1,300 pengguna telah memanfaatkan platform PaddyChat, dan saya menyeru lebih ramai pesawah di luar sana untuk menggunakan aplikasi ini sepenuhnya,” jelas beliau lagi.

Sementara itu, Prof. Dr. Fauziah menjelaskan, kerjasama DOA dan UTM untuk tempoh (dua) tahun ini merupakan langkah strategik dalam memperkukuh penerapan teknologi dan inovasi berasaskan AI dalam sektor pertanian, sekali gus menyokong usaha meningkatkan keupayaan serta daya saing subsektor tanaman negara.

Jabatan Pertanian komited untuk terus memperluas jaringan kerjasama strategik bersama institusi penyelidikan dan akademik bagi mempercepat penerimgunaan teknologi serta inovasi yang memberi manfaat kepada sektor agromakanan dan komuniti pertanian.

###

JABATAN PERTANIAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

